

# Peraturan wajib masuki tahun satu dilaksana 2003

23 APR 2002

MELAKA, Isnin - Peraturan mewajibkan semua kanak-kanak memasuki persekolahan tahun satu dijadual dilaksanakan tahun depan selepas pindaan Akta Pendidikan 1996 diluluskan Parlimen baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian, Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata pindaan itu dibuat berikutan perangkaan menunjukkan kira-kira 15,000 kanak-kanak tidak bersekolah berikutan kegagalan ibu bapa mendaftarkan nama mereka.

Beliau berkata, setakat ini tidak ada undang-undang boleh dikenakan terhadap ibu bapa jika gagal mendaftarkan anak masing-masing.

"Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan memastikan setiap rakyat mendapat peluang pendidikan sama seperti dilakukan di Jerman, Perancis, United Kingdom dan Thailand.

"Negara terbabit mempunyai akta yang sama untuk mewajibkan setiap kanak-kanak mendaftar memasuki Tahun Satu di sekolah rendah," katanya sempena Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Mahadzir adalah antara pembentang kertas kerja pada kolokium itu yang meliputi tajuk pemikiran mengenai pblitik.

Mahadzir berkata, walaupun lebih 400,000 murid

mendaftar untuk memasuki sekolah rendah setiap tahun, tetapi kementerianya mendapati kira-kira tiga peratus atau 15,000 murid masih tercicir.

"Kebanyakan yang tercicir adalah murid di Sabah dan Sarawak kerana masalah geografi dan perhubungan di samping kurang kesedaran di kalangan ibu bapa.

"Dengan pindaan akta ini, kita berharap setiap ibu bapa mendaftar kemasukan anak masing-masing bagi mendapat pendidikan sekurang-kurangnya hingga ke Tahun Enam," katanya.

Pada 13 Mac lalu, Mahadzir dipetik berkata, ibu bapa yang gagal mendaftar

anak masing-masing memasuki sekolah rendah boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk dipenjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM5,000 atau kedua-duanya.

Mahadzir berkata, dengan pekuatkuasaan akta itu, kementerian kini boleh memantau dan menyalurkan bantuan kepada ibu bapa yang benar-benar memerlukannya.

"Jika mereka kurang mampu, kementerian akan mencari jalan untuk membantu meringankan masalah mereka termasuk menyediakan tahung khas bagi membolehkan bantuan disalurkan segera," katanya.